

NO. SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN : 53

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan *double-standard* oleh SPRM dalam siasatan ke atas pemimpin Pakatan Harapan berbanding dengan Barisan Nasional. Mengapa SPRM membocorkan maklumat kes terowong bawah dasar laut dalam media BN dan gagal bertindak terhadap laporan-laporan media palsu bahawa pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima rasuah berjuta-juta ringgit. Mengapakah SPRM boleh buat laporan terhadap kes bocor maklumat dalam kes Menteri Besar Johor tetapi tidak dalam kes ini. Mengapakah SPRM tidak siasat kes ERL yang tiada tender terbuka berlainan dengan tender terbuka dalam projek di Pulau Pinang.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap mana-mana individu atas apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dengan bebas, telus dan profesional, serta sentiasa memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat atau siasatan sesuatu kes, selaras dengan kehendak seksyen 29 (4) Akta SPRM 2009. SPRM juga sentiasa mengambil langkah-langkah kawalan dalaman bagi memastikan tidak berlaku sebarang kebocoran atau pendedahan maklumat.

Dalam kes projek pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang, pihak media ada menyiarkan berita berkaitan dengan kes tersebut. Walaubagaimanapun maklumat yang disiarkan dalam berita itu bukanlah dokumen siasatan SPRM. Sehubungan itu, SPRM tidak membuat sebarang laporan polis mengenai berita yang disiarkan itu.

Berbanding dengan kes bekas EXCO Kerajaan Negeri Johor, SPRM ada membuat laporan Polis kerana terdapat kebocoran pernyataan bertulis yang dikelaskan sebagai rahsia dan kewujudan jadual pembayaran palsu berkaitan kes tersebut yang disiasat oleh SPRM. Laporan polis yang dibuat adalah berdasarkan fakta kes berkaitan dan bukan kerana SPRM berat sebelah.

Malahan dalam tempoh tahun 2013 hingga 2017 SPRM telah membuka sebanyak 71 Kertas Siasatan terhadap ahli politik daripada pimpinan Kerajaan Barisan Nasional dan 21 Kertas Siasatan terhadap ahli politik daripada pimpinan Pakatan Harapan (dahulunya dikenali Pakatan Rakyat).

Berkaitan dakwaan bahawa SPRM tidak menyiasat kes ERL, ditegaskan bahawa SPRM tidak menjalankan sesuatu siasatan berdasarkan kepada bagaimana sesuatu projek itu ditender tetapi sesuatu siasatan itu dijalankan berdasarkan kepada fakta kes rasuah yang diadakan.

Sekian, terima kasih.